



**AMALAN PENGAJARAN STRATEGI PEMBELAJARAN KOPERATIF
GURU SEKOLAH RENDAH PROGRAM SEKOLAH AMANAH MALAYSIA**

Oleh

WAN NUR FUZIANA BINTI ABDOL JANI

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Februari 2024

FPP 2024 5

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**AMALAN PENGAJARAN STRATEGI PEMBELAJARAN KOPERATIF
GURU SEKOLAH RENDAH PROGRAM SEKOLAH AMANAH MALAYSIA**

Oleh

WAN NUR FUZIANA BINTI ABDOL JANI

Februari 2024

Pengerusi : Fazilah binti Razali, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Strategi pembelajaran koperatif perlu diberi perhatian oleh guru selaku fasilitator pengajaran dan pembelajaran kerana strategi tersebut telah terbukti mampu membangunkan pencapaian akademik dan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan murid. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan dan pengaruh antara pemboleh ubah pengetahuan guru, penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), sokongan sekolah dan efikasi sendiri terhadap amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif. Selain itu, peranan efikasi sendiri sebagai mediator terhadap pengaruh pengetahuan guru, penerapan KBAT dan sokongan sekolah dengan amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif turut dikaji. Kajian korelasi dengan pendekatan kuantitatif ini melibatkan 244 guru sekolah rendah Program Sekolah Amanah (PSA) Malaysia yang dipilih secara rawak strata berkadaran dan rawak mudah. Data kajian diperoleh melalui pengedaran soal selidik yang diadaptasi daripada instrumen *Teachers' Cooperative Learning Questionnaire (TCLQ)*, *Technological Pedagogical Content Knowledge (TPACK)*, *Teachers Sense of Efficacy Scale (TSES)*, penerapan KBAT dan sokongan sekolah. Perisian *Statistical Package*

for the Social Sciences (SPSS) versi 25 digunakan untuk analisis deskriptif dan hubungan, manakala analisis pemodelan persamaan berstruktur (*Structural Equation Modelling*, SEM) untuk mengkaji pengaruh dan menguji peranan mediator menggunakan perisian IBM SPSS AMOS versi 24. Dapatan kajian menunjukkan pemboleh ubah tidak bersandar kajian iaitu pengetahuan guru, penerapan KBAT, sokongan sekolah dan efikasi sendiri mempunyai hubungan positif yang signifikan dan kuat dengan amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif. Hasil analisis regresi pula mendapati sokongan sekolah mempunyai pengaruh paling tinggi terhadap amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif, diikuti pengaruh efikasi sendiri, penerapan KBAT dan pengetahuan guru. Selain itu, pengujian mediator menunjukkan efikasi sendiri merupakan mediator separa antara pengaruh pengetahuan guru, penerapan KBAT dan sokongan sekolah dengan amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif. Hal yang demikian bermaksud, efikasi sendiri bukan sahaja mampu memberi pengaruh secara langsung terhadap amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif, malahan turut memberi pengaruh secara tidak langsung melalui pengaruh pengetahuan guru, penerapan KBAT dan sokongan sekolah terhadap amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif. Tambahan, kajian ini berjaya menjelaskan bahawa pemboleh ubah tidak bersandar yang dipilih dalam kajian memberi pengaruh keseluruhan sebanyak 75.8% kepada amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif. Justeru, faktor pengetahuan guru, penerapan KBAT, sokongan sekolah dan efikasi sendiri merupakan faktor penting dalam menjayakan amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif secara rutin terutama dalam konteks sekolah rendah yang mengikuti PSA. Pemboleh ubah kajian juga boleh dijadikan rujukan untuk memenuhi keperluan guru dalam melaksanakan pengajaran

strategi pembelajaran koperatif dan strategi pembelajaran lain yang berpusatkan murid dalam konteks yang berbeza.

Kata Kunci: Efikasi Kendiri Guru, Penerapan KBAT, Pengetahuan Guru, Sokongan Sekolah, Strategi Pembelajaran Koperatif

SDG: MATLAMAT4: Pendidikan Berkualiti



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment
of the requirement for the degree of Master of Science

**TEACHING PRACTICES OF COOPERATIVE LEARNING STRATEGIES
OF ELEMENTARY SCHOOL TEACHERS OF MALAYSIAN TRUST
SCHOOL PROGRAM**

By

WAN NUR FUZIANA BINTI ABDOL JANI

February 2024

Chairman : Fazilah binti Razali, PhD
Faculty : Educational Studies

Cooperative learning strategy needs attention from teachers as facilitators of teaching and learning, as this strategy has proven to enhance academic achievements and 21st-century skills among students. This study aims to examine the relationship and influence between teacher's knowledge variables, the inculcation of Higher Order Thinking Skills (HOTS), school support, and self-efficacy towards the practice of cooperative learning teaching strategies. Furthermore, the role of self-efficacy as a mediator in the influence of teacher's knowledge, HOTS inculcation, and school support on the practice of cooperative learning teaching strategies is also investigated. This quantitative correlation study involves 244 primary school teachers from the Malaysian Trust School Program (TSP), selected using stratified random sampling and simple random sampling. The study data was collected through the distribution of adapted questionnaires from instruments such as the Teachers' Cooperative Learning Questionnaire (TCLQ), Technological Pedagogical Content Knowledge (TPACK), Teachers Sense of Efficacy Scale (TSES), HOTS inculcation, and school support. The

Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 25 was used for descriptive and relationship analysis, while Structural Equation Modelling (SEM) was also employed using IBM SPSS AMOS version 24 to examine the influence and test the mediator role. The study findings reveal that independent variables of the study, namely teacher's knowledge, HOTS inculcation, school support, and self-efficacy, have a significant and strong positive relationship with the practice of cooperative learning teaching strategies. Regression analysis results indicate that school support has the highest influence on the practice of cooperative learning teaching strategies, followed by the influence of self-efficacy, HOTS inculcation, and teacher's knowledge. Furthermore, the mediator testing proves that self-efficacy partially mediates the influence of teacher's knowledge, HOTS inculcation, and school support on the practice of cooperative learning teaching strategies. This implies that self-efficacy not only directly affects the practice of cooperative learning teaching strategies but also indirectly influences it through the effects of teacher's knowledge, HOTS inculcation, and school support on the practice of cooperative learning teaching strategies. Moreover, this study successfully demonstrates that the selected independent variables in the study collectively account for 75.8% of the variance in the practice of cooperative learning teaching strategies. Therefore, teacher's knowledge, HOTS inculcation, school support, and self-efficacy are crucial factors in effectively implementing cooperative learning teaching strategies, especially in the context of primary schools following the PSA. The study's variables can also serve as references to fulfill the needs of teachers in implementing cooperative learning and other student-centered teaching strategies in various contexts.

Keywords: Cooperative Learning Strategy, Inculcation of HOTS, School Support, Teachers' Knowledge, Teachers' Self-Efficacy

SDG: GOAL 4: Quality Education



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang

Syukur alhamdulillah di atas limpah rahmat, izin serta petunjuk-Nya, dapat saya menyiapkan tesis ini bagi memenuhi keperluan penganugerahan ijazah Master Sains, Universiti Putra Malaysia.

Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada Dr. Fazilah binti Razali dan Dr. Normala binti Ismail selaku jawatankuasa penyeliaan kajian saya. Sokongan, tunjuk ajar, teguran, motivasi dan nasihat yang diberikan sepanjang pengajian amat saya hargai dan tidak akan saya persiakan. Terima kasih juga atas masa emas yang diluangkan untuk perbincangan dan penambahbaikan kajian saya sehingga tesis ini dapat disempurnakan.

Seterusnya, ucapan terima kasih kepada Pengarah Jabatan Pelajaran Selangor, Perak, Terengganu, Johor dan Sarawak, serta Guru Besar sekolah terlibat kerana memberi keizinan kepada saya untuk menjalankan kajian. Penghargaan juga ditujukan buat guru-guru sekolah rendah Program Sekolah Amanah yang menjadi responden untuk merealisasikan kajian yang saya jalankan.

Ucapan terima kasih dan sekalung penghargaan buat insan yang disayangi dan sentiasa mendoakan saya, abah (Abdol Jani bin Hj. Tahiri), mak (Raja Fuzian binti Raja Hitam) dan ibu mentua (Yuslina binti Mohd Yusoff). Terima kasih juga buat suami, Mohamad Hanafi bin Ishak kerana sentiasa memberi dorongan dan sumber kekuatan perjalanan pengajian saya. Tidak dilupakan adik beradik saya dan anak-anak saya Nur Aimy

Farhana, Muhammad Aniq Farhan dan Nur Aimy Faqihah. Terima kasih kerana memahami mama dan semoga usaha mama dapat menjadi pendorong kepada kalian.

Buat sahabat-sahabat seperjuangan, terima kasih kerana sentiasa bersama. Semangat dan dorongan antara satu sama lain menjadi penguat untuk saya terus melangkah dan melengkapkan kajian dan tesis ini.



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Fazilah binti Razali, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Normala binti Ismail, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 11 Julai 2024

JADUAL KANDUNGAN

		Muka surat
ABSTRAK		i
ABSTRACT		iv
PENGHARGAAN		vii
PENGESAHAN		ix
PERAKUAN		xi
SENARAI JADUAL		xvi
SENARAI RAJAH		xviii
SENARAI LAMPIRAN		xix
SENARAI SINGKATAN		xx
 BAB		
1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	2
	1.3 Pernyataan Masalah	7
	1.4 Objektif Kajian	12
	1.5 Persoalan Kajian	12
	1.6 Hipotesis Kajian	13
	1.7 Kepentingan Kajian	14
	1.8 Skop dan Limitasi Kajian	17
	1.9 Definisi Operasional	19
	1.9.1 Amalan Pengajaran Strategi Pembelajaran Koperatif	19
	1.9.2 Pengetahuan Guru	20
	1.9.3 Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	20
	1.9.4 Sokongan Sekolah	21
	1.9.5 Efikasi Kendiri Guru	21
	1.9.6 Guru Sekolah Rendah Program Sekolah Amanah	22
	1.10 Kesimpulan	22
2	SOROTAN LITERATUR	23
	2.1 Pengenalan	23
	2.2 Transformasi Kurikulum Sekolah Rendah	23
	2.3 Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	25
	2.4 Strategi Pembelajaran Koperatif	26
	2.4.1 Elemen Strategi Pembelajaran Koperatif	29
	2.4.2 Empat Belas Struktur Strategi Pembelajaran Koperatif Sekolah PSA	32
	2.4.3 Guru dan Pelaksanaan Strategi Pembelajaran Koperatif	34
	2.4.4 Amalan Pengajaran Strategi Pembelajaran Koperatif	37
	2.5 Pengetahuan Guru	41

2.6	Penerapan KBAT	48
2.7	Sokongan Sekolah	50
2.8	Efikasi Kendiri Guru	52
2.9	Model Kajian	57
2.9.1	Model Desimone (2009)	57
2.9.2	Model Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan	58
2.9.3	Model Perubahan Pendidikan Fullan (2007)	60
2.10	Kerangka Teoritikal	61
2.11	Kerangka Konseptual Kajian	63
2.12	Kesimpulan	64
3	METODOLOGI KAJIAN	66
3.1	Pengenalan	66
3.2	Reka Bentuk Kajian	66
3.2.1	Lokasi Kajian	67
3.2.2	Populasi Kajian	68
3.2.3	Pensampelan Kajian	68
3.2.4	Strategi Pensampelan	71
3.3	Instrumen Kajian	75
3.3.1	Bahagian A	76
3.3.2	Bahagian B	77
3.3.3	Bahagian C	77
3.3.4	Bahagian D	78
3.3.5	Bahagian E	78
3.3.6	Bahagian F	79
3.4	Penterjemahan Instrumen	79
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	80
3.5.1	Kesahan Instrumen	80
3.5.2	Kebolehpercayaan Instrumen	81
3.6	Kajian Rintis	82
3.7	Analisis Penerokaan Faktor	84
3.8	Prosedur Pengumpulan Data Kajian	86
3.9	Analisis Data Kajian Lapangan	88
3.9.1	Analisis Penerokaan Data	89
3.9.2	Analisis Deskriptif	91
3.9.3	Analisis Inferensi	92
3.10	Analisis Pengesahan Faktor	94
3.10.1	Kesahan dan Kebolehpercayaan Model Pengukuran	96
3.11	Pemodelan Persamaan Berstruktur	102
3.11.1	Analisis Mediator (Perantara)	104
3.12	Rumusan	105
4	DAPATAN KAJIAN	106
4.1	Pengenalan	106
4.2	Demografi Responden	106
4.3	Analisis Statistik Deskriptif	107
4.4	Hubungan antara Pemboleh Ubah Tidak Bersandar dengan Amalan Pengajaran Strategi Pembelajaran Koperatif	108
4.5	Analisis Regresi dan Mediator	110
4.6	Pengujian Hipotesis	111

4.6.1	Pengujian Hipotesis Pengaruh antara Pemboleh Ubah	111
4.6.2	Pengujian Hipotesis Efikasi Kendiri Guru sebagai Mediator	118
4.7	Pekali Penentuan (R^2) bagi Kesan Mediator	124
4.8	Rumusan Pengujian Hipotesis	125
4.9	Kesimpulan	126
5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN	127
5.1	Pengenalan	127
5.2	Ringkasan Kajian	127
5.3	Perbincangan Hasil Dapatan Kajian	129
5.3.1	Hubungan antara Pemboleh Ubah Tidak Bersandar dengan Amalan Pengajaran Strategi Pembelajaran Koperatif	129
5.3.2	Pengaruh antara Pemboleh Ubah	130
5.3.3	Efikasi Kendiri Guru Sebagai Mediator	137
5.4	Kesimpulan	139
5.5	Implikasi Kajian	141
5.5.1	Implikasi Teoritikal	141
5.5.2	Implikasi Praktikal	142
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	145
5.7	Penutup	147
	RUJUKAN	149
	LAMPIRAN	176
	BIODATA PELAJAR	223
	SENARAI PENERBITAN	224

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1 Instrumen Mengukur Pemboleh Ubah Kajian	18
2 Perbezaan Pembelajaran Tradisional dan Pembelajaran Koperatif	28
3 Elemen Asas Strategi Pembelajaran Koperatif	29
4 Struktur Pembelajaran Koperatif di Sekolah PSA	33
5 Kajian Strategi Pembelajaran Koperatif di Malaysia	38
6 Kajian Lepas Menggunakan Model Perubahan Pendidikan Fullan	61
7 Jumlah Populasi Guru Sekolah Rendah PSA Malaysia	68
8 Pengiraan Sampel Kajian Mengikut Zon dan Sekolah	74
9 Instrumen Mengikut Pemboleh Ubah Kajian	76
10 Prosedur Penterjemahan Instrumen Soal Selidik	80
11 Nilai Cronbach Alfa Instrumen Kajian	83
12 Indeks <i>Goodness of fit</i> EFA	85
13 Ringkasan Analisis EFA bagi Item Mewakili Instrumen Kajian	86
14 Skewness dan Kurtosis Pemboleh Ubah Kajian (N=244)	91
15 Analisis Deskriptif Berdasarkan Jantina (N=244)	92
16 Nilai korelasi antara Pemboleh Ubah (N=244)	93
17 Tafsiran Korelasi Cohen (1988)	94
18 Indeks Kesepadanan Model	95
19 Indeks Kesepadanan Model Pengukuran	96
20 Penilaian Kesahan dan Kebolehpercayaan Model Pengukuran	97
21 Kesahan Diskriminan berdasarkan Nilai Korelasi antara Konstruk	99
22 Nilai CR dan AVE Model Pengukuran	102
23 Taburan Demografi Responden (N=244)	107
24 Analisis Deskriptif Pemboleh Ubah Kajian (N=244)	108

25	Hubungan antara Pemboleh Ubah Tidak Bersandar dengan Amalan Pengajaran Strategi Pembelajaran Koperatif	109
26	Indeks Kesepadanan Kajian	111
27	Pengujian Hipotesis Pengaruh Pengetahuan Guru terhadap APSPK	112
28	Pengujian Hipotesis Pengaruh Penerapan KBAT terhadap APSPK	113
29	Pengujian Hipotesis Pengaruh Sokongan Sekolah terhadap APSPK	114
30	Pengujian Hipotesis Pengaruh Efikasi Kendiri Guru terhadap APSPK	115
31	Pengujian Hipotesis Pengaruh Pengetahuan Guru terhadap Efikasi Kendiri Guru	116
32	Pengujian Hipotesis Pengaruh Penerapan KBAT terhadap Efikasi Kendiri Guru	117
33	Pengujian Hipotesis Pengaruh Sokongan Sekolah terhadap Efikasi Kendiri Guru	117
34	Pengujian Hipotesis Mediator (Efikasi Kendiri) antara Pengaruh Pengetahuan Guru dan APSPK	119
35	Pengujian Hipotesis Mediator (Efikasi Kendiri) antara Pengaruh Penerapan KBAT dan APSPK	120
36	Pengujian Hipotesis Mediator (Efikasi Kendiri) antara Pengaruh Sokongan Sekolah dan APSPK	121
37	Keputusan <i>Boostrapping</i> bagi Kesan Langsung dan Kesan Tidak Langsung	123
38	<i>Standardized Regression Weight</i> bagi R^2	124
39	Keputusan Hipotesis Kajian	125

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
1 Transformasi Kurikulum Sekolah Rendah	24
2 Kerangka Teoritikal Kajian	62
3 Kerangka Konseptual Kajian	64
4 Pensampelan Kajian	73
5 Prosedur Pengumpulan Data	88
6 <i>Outlier</i> dengan Nilai Ekstrem bagi Semua Pemboleh Ubah (N=263)	90
7 Model Berstruktur Mengukur Hubungan	103
8 Model Berstruktur Mengukur Pengaruh	103
9 Prosedur Menguji Mediator dalam SEM	105
10 Model Berstruktur Kajian	110
11 Pengaruh Langsung Pengetahuan Guru terhadap APSPK	112
12 Pengaruh Langsung Penerapan KBAT terhadap APSPK	113
13 Pengaruh Langsung Sokongan Sekolah terhadap APSPK	114
14 Pengaruh Langsung Efikasi Kendiri Guru terhadap APSPK	115
15 Pengaruh Pengetahuan Guru terhadap Efikasi Kendiri Guru	116
16 Pengaruh Penerapan KBAT terhadap Efikasi Kendiri Guru	116
17 Pengaruh Sokongan Sekolah terhadap Efikasi Kendiri Guru	117
18 Efikasi Kendiri Guru sebagai Mediator antara Pengaruh Pengetahuan Guru dengan Amalan Pengajaran Strategi Pembelajaran Koperatif	119
19 Efikasi Kendiri Guru sebagai Mediator antara Pengaruh Penerapan KBAT dengan Amalan Pengajaran Strategi Pembelajaran Koperatif	120
20 Efikasi Kendiri Guru sebagai Mediator antara Pengaruh Sokongan Sekolah dengan Amalan Pengajaran Strategi Pembelajaran Koperatif	121
21 Model Mediator	123

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Muka surat
A Senarai Sekolah Sampel Kajian Lapangan	176
B (Soal Selidik)	177
C Kebenaran Menggunakan Instrumen	191
D Pakar Penterjemahan Instrumen	194
E Pakar Penterjemahan Instrumen	195
F Pakar Penterjemahan Instrumen	196
G Surat Pelantikan dan Persetujuan Menjadi Pakar	197
H Pengesahan Instrumen oleh Pakar	206
I Surat Kebenaran EPRD, KPM	211
J Surat Kebenaran JPN Johor, Perak, Sarawak, Selangor dan Terengganu	212
K Surat Kebenaran PPD Pasir Gudang dan PPD Manjung	217
L Matriks <i>Scatter plot</i>	220
M Homoskedastisiti	220
N Model Pengukuran Gabungan Konstruk (<i>Pooled-CFA Model</i>)	221
O Ouput Teks Korelasi Konstruk Analisis CFA	221
P Output Teks AMOS	222

SENARAI SINGKATAN

APSPK	Amalan Pengajaran Strategi Pembelajaran Koperatif
AVE	<i>Average Variance Extracted</i>
BPG	Bahagian Profesionalisme Guru
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
CFA	<i>Confirmatory Factor Analysis</i>
CFI	<i>Comparative Fit Index</i>
CPD	<i>Continuous Professional Development</i>
CR	<i>Composite Reliability</i>
EFA	<i>Exploratory Factor Analysis</i>
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KMO	<i>Kaiser Meyer Olkin Sampling Adequacy</i>
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
MLE	<i>Maximum Likelihood Estimator</i>
PAK-21	Pendidikan Abad Ke-21
PLC	<i>Professional Learning Community</i>
PLP	<i>Professional Learning Partner</i>
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PSA	Program Sekolah Amanah
RMSEA	<i>Root Mean Square Error of Approximation</i>
SEM	<i>Structural Equation Modelling</i>

TCLQ	<i>Teachers' Cooperative Learning Questionnaire</i>
TPACK	<i>Technology Pedagogy Content Knowledge</i>



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan yang berkualiti mampu melahirkan generasi baharu yang berkemahiran untuk menghadapi cabaran abad ke-21. Kemajuan era globalisasi menuntut sesebuah negara untuk melaksanakan perubahan sistem pendidikan dan direalisasikan melalui transformasi kurikulum (Gleeson, Klenowski & Looney, 2020; Hussan Sahib & Stapa, 2022; Sun, 2022). Malaysia juga tidak terkecuali dalam melaksanakan transformasi kurikulum supaya generasi baharu mampu bersaing diperingkat global. Justeru, aspek kurikulum perlu diberi penekanan supaya modal insan negara mendapat pendidikan berkualiti dan menguasai kemahiran abad ke-21 (Husain, 2023; Nainggolan, 2022; Zaki & Darmi, 2021).

Perubahan dalam semakan kurikulum sekolah rendah turut memberi tumpuan kepada aspek pedagogi. Tambahan, perubahan strategi pengajaran tradisional guru kepada strategi pengajaran berpusatkan murid adalah relevan dan selari dengan transformasi kurikulum yang dilaksanakan (Al -khreshe, 2022; Bakar & Ismail, 2020; Jamaluddin, 2023). Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) menyambut baik cadangan Pelan Pembangunan Pendidikan (PPPM) 2013-2025 untuk memperluas model inovasi pengajaran yang lebih komprehensif terhadap kemenjadian murid pada abad ke-21. BPK telah memperluaskan penekanan terhadap strategi pembelajaran koperatif dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) setelah strategi tersebut mula dicadangkan dalam pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (2011) (BPK, 2012, 2016).

Pembelajaran koperatif adalah satu strategi pembelajaran dengan pelibatan murid dalam kumpulan kecil yang terdiri daripada empat orang murid (Kagan & Kagan, 2009; Slavin, 2015). Kumpulan kecil murid dibentuk dengan pelibatan murid pelbagai aras (Jacobs & Renandya, 2019; Mukuka, Mutarutinya & Balimuttajjo, 2019). Kekeliruan sering timbul dalam kalangan pendidik berkaitan terma strategi pembelajaran koperatif dan strategi pembelajaran kolaboratif. Adakah kedua-dua strategi tersebut merupakan strategi yang sama atau berbeza? Hakikatnya, strategi pembelajaran koperatif dan strategi pembelajaran kolaboratif menitik beratkan konsep murid bekerjasama dalam kumpulan untuk menyelesaikan sesuatu tugas (Jolliffe, 2015b). Selain itu, kedua-dua strategi tersebut merupakan strategi pengajaran berpusatkan murid (Jacobs & Renandya, 2019; Yang, 2023). Perbezaan utama antara keduanya adalah strategi pembelajaran koperatif memberi penekanan terhadap elemen pergantungan positif dan tanggungjawab individu melalui penstrukturan interaksi antara murid (Abramczyk & Jurkowski, 2020; Jacobs & Renandya, 2019). Hal yang demikian, memberi peluang kepada setiap individu dalam kumpulan untuk bertanggungjawab dan saling memberi sumbangan antara satu sama lain supaya dapat menyumbang kepada kejayaan kumpulan (Cañabate et al., 2021; Jacobs & Meng, 2021; Fernández-Río, Cecchini Estrada, Méndez-Giménez & Alonso, 2016).

1.2 Latar Belakang Kajian

Strategi pembelajaran koperatif dapat meningkatkan bukan sahaja pencapaian murid, malahan memberi impak positif kepada aspek komunikasi, kepimpinan dan kemahiran berfikir (Ghavifekr, 2020; Kamaruddin & Yusoff, 2019; Rahim et al., 2021). Selain itu, masalah salah laku seperti kes buli di sekolah juga dapat ditangani melalui pelaksanaan strategi pembelajaran koperatif dalam bilik darjah (Van Ryzin et al.,

2022; Van Ryzin & Roseth, 2019; Wibowo et al., 2022). Laporan data Sistem Sahsia Disiplin Murid (SSDM) daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menunjukkan peningkatan mendadak kes buli di sekolah. Pada tahun 2023, kes buli meningkat kepada 4994 kes berbanding 3887 kes pada tahun 2022 dan hanya 326 kes pada tahun 2021 (Arifin, 2023). Peningkatan mendadak kes buli ini perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak supaya budaya negatif ini dapat dibendung. Selain itu, KPM mengorak langkah ke arah penambahbaikan kurikulum dengan memberi tumpuan kepada pembentukan karakter murid berfokuskan pembelajaran sosioemosi bermula dari pra sekolah sehingga peringkat menengah atas seperti yang dihasratkan dalam kurikulum 2027. Kajian lepas menunjukkan sosioemosi murid dapat dibangunkan melalui pelaksanaan strategi pembelajaran koperatif (Gurning et al., 2023; Veldman et al., 2020; Wang et al., 2024). Justeru, guru selaku agen perubahan pendidikan perlu memberi fokus terhadap strategi pengajaran di dalam kelas terutama strategi pengajaran koperatif memandangkan strategi tersebut dapat memberi manfaat pencapaian akademik, kemahiran insaniah, membangunkan sosiemosi murid dan berupaya membendung kes buli yang semakin menjadi barah di sekolah.

Di Malaysia, pelaksanaan strategi pembelajaran koperatif diperkenalkan secara rintis di sekolah Program Sekolah Amanah (PSA) sebagai usaha menambah baik kualiti pembelajaran dan pengajaran (LeapEd Services, 2017). PSA merupakan kerjasama sektor awam-swasta (*public-private partnership*) antara Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan pihak Yayasan AMIR (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2017). Fokus utama PSA adalah untuk mencapai empat matlamat strategik yang ditetapkan iaitu membangunkan kepimpinan dan pengurusan berkualiti tinggi, menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran, memaksimumkan

potensi dan pencapaian murid dan mengukuhkan pelibatan ibu bapa, komuniti dan pihak berkepentingan lain (Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), 2016, 2017). Usaha melatih guru PSA untuk melaksanakan strategi pembelajaran koperatif di sekolah PSA adalah bertepatan dan bersesuaian kerana kemahiran penting abad ke-21 iaitu kemahiran berkomunikasi, berfikir, kolaboratif dan kreativiti terkandung dalam elemen strategi pembelajaran koperatif (Ferguson-Patrick, 2020; Rosiani, Parmin & Taufiq, 2020).

Selain itu, melalui pelaksanaan strategi pembelajaran koperatif guru-guru dapat memberi peluang kepada murid sebagai pembelajar aktif dan belajar dalam persekitaran yang membolehkan murid untuk berkomunikasi, bekerjasama, berbincang dan membuat keputusan bersama rakan dalam kumpulan. Hal yang demikian adalah selari dengan hasrat KPM seperti yang digariskan dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) untuk aspek guru sebagai pendorong dan murid sebagai pembelajar aktif (Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, 2017). Tambahan, pelaksanaan strategi pembelajaran koperatif yang merupakan salah satu daripada tonggak pedagogi PSA, turut menjadi fokus penilaian semasa sesi pencerapan mengajar guru PSA (LeapEd Services, 2017; Salleh, 2020). Walau bagaimanapun, kemahiran yang ada dalam elemen pembelajaran koperatif ini sukar untuk diterapkan kepada murid sekiranya guru masih melaksanakan strategi pembelajaran tradisional (Bashir, Nisar & Gul, 2020; Mahbib, Esa, Mohamad, Salleh & Mohamad, 2017; Petre, 2020). Tambahan, terdapat guru PSA yang menunjukkan prestasi yang baik semasa sesi pencerapan, namun situasi berkenaan berubah dalam pelaksanaan pengajaran seharian guru (Thomas, 2019). Hal yang demikian memberi refleksi terhadap amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif guru

memandangkan aspek pembelajaran koperatif merupakan kriteria yang diberi fokus semasa sesi pencerapan. Selain itu, menurut laporan Yayasan Amir (2022), aspek pengajaran berkesan merangkumi amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif merupakan antara indikator yang sukar untuk dicapai oleh guru sekolah rendah PSA. Seterusnya, target pencapaian 90% bagi aspek kualiti pengajaran guru juga masih belum dapat dicapai sepenuhnya oleh guru-guru sekolah rendah PSA (Yayasan AMIR, 2020). Tambahan, kajian oleh Salleh (2020) memperlihatkan skor terendah bagi aspek penggunaan struktur strategi pembelajaran koperatif. Justeru, penting untuk mengkaji faktor yang mendorong guru khususnya guru PSA untuk melaksanakan amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif.

Guru selaku agen perubahan pendidikan memainkan peranan penting untuk mengaplikasi dan melestarikan strategi pembelajaran koperatif sebagai amalan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Antara keperluan guru untuk membudayakan amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif adalah pengetahuan guru. Pengetahuan guru merupakan elemen penting dalam menjayakan inovasi pengajaran strategi pembelajaran koperatif (Abramczyk & Jurkowski, 2020; Tamimy, Rashidi, & Koh, 2023). Tambahan, usaha melaksanakan pengajaran berkualiti menuntut penguasaan pengetahuan guru merangkumi pengetahuan pedagogi, kandungan dan teknologi (Eng & Keong, 2019; Zhubi & Ismajli, 2022). Oleh itu, adalah penting untuk mengkaji peranan pengetahuan guru berdasarkan aspek pengetahuan pedagogi, kandungan dan teknologi dalam melaksanakan amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif.

Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) penting selain pengetahuan guru sebagai usaha untuk melestraikan amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang serius aspek penguasaan KBAT dengan menjadikan KBAT sebagai salah satu fokus utama dalam PPPM 2013-2025. Penerapan KBAT dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran adalah penting untuk mempersiapkan murid supaya dapat bersaing di peringkat global. Oleh itu, peranan guru sebagai perancang dan fasilitator aktiviti dalam bilik darjah yang menerapkan KBAT adalah kunci untuk memberi peluang kepada murid-murid supaya dapat menguasai KBAT (Fenyi & Jones-Mensah, 2022; Haryati, Trisnowati, Siswanto & Al Firdaus, 2021; Rachmawati, Syafi'ul Anam & Setiawan, 2021). Justeru, aspek penerapan KBAT dalam pelaksanaan amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif turut menjadi fokus kajian ini.

Seterusnya, aspek sokongan sekolah merupakan keperluan guru melaksanakan amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif selain pengetahuan guru dan penerapan KBAT. Pelaksanaan amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif mempunyai pelbagai cabaran seperti kefahaman guru yang terhad, kekangan masa menyediakan bahan dan merancang pengajaran (Mukuka et al., 2019; Tamimy et al., 2023). Namun, konsistensi dan pembudayaan amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif dapat dilaksanakan dalam bilik darjah sekiranya elemen sokongan sekolah dipraktikkan dalam iklim sekolah (Dzemidzic Kristiansen, 2022; Jolliffe, 2015b; Meganingtyas, Winarni & Murwaningsih, 2019). Justeru, aspek sokongan sekolah turut menjadi perhatian penyelidik dalam melaksanakan amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif.

Efikasi sendiri guru merupakan elemen penting dalam pelaksanaan amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif selain pengetahuan guru, penerapan KBAT dan sokongan sekolah. Hal yang demikian kerana, guru yang mempunyai kepercayaan dan keyakinan atas kebolehan diri dapat melaksanakan strategi pembelajaran koperatif dengan lancar (Alfayez, 2022; Jolliffe, 2015a; Völlinger & Supanc, 2020). Selain itu, guru yang mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi berupaya untuk memilih strategi pengajaran yang bersesuaian, menggalakkan pelibatan aktif murid dan mengurus kelas dengan baik (Shafiee & Ghani, 2022; Woolfolk, 2020). Oleh itu, penting untuk mengkaji faktor efikasi sendiri guru dalam melaksanakan amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif.

Kesimpulannya, penyelidik berpendapat pentingnya mengkaji faktor keperluan guru merangkumi pengetahuan guru, penerapan KBAT, sokongan sekolah dan efikasi sendiri guru dalam melaksanakan amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif. Hal yang demikian, kajian terdahulu menunjukkan strategi pembelajaran koperatif dapat memberi impak positif kepada aspek pencapaian murid dan juga pembentukan kemahiran insaniah. Justeru, kajian ini dapat memberi input dari perspektif peranan guru dan faktor yang mempengaruhi guru untuk melaksanakan strategi pembelajaran koperatif secara efisien.

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian lepas menunjukkan strategi pembelajaran koperatif dapat memberi manfaat peningkatan pencapaian akademik, kemahiran abad ke-21, pembentukan sahsiah dan sokongan sosial. Selain itu, antara kekuatan pelaksanaan strategi pembelajaran koperatif adalah sokongan sosial antara murid dapat menggalakkan pertumbuhan

sosioemosi (Yassin et al., 2018; Zainol & Kutty, 2023). Hal yang demikian penting sebagai usaha untuk meningkatkan kesejahteraan sosioemosi kanak-kanak terutamanya dari peringkat awal sekolah rendah supaya penularan gejala tidak sihat dapat dibendung memandangkan laporan NHSM 2019 merekodkan seramai 424 000 kanak-kanak di Malaysia mengalami masalah kesihatan mental (Maarof & Surat, 2023; Institute for Public Health, 2020). Walau bagaimanapun, kajian lepas menunjukkan pelaksanaan strategi pembelajaran koperatif masih di tahap sederhana walaupun guru telah didedahkan dengan strategi tersebut (Fadzilah, 2017; Abramczyk & Jurkowski, 2020; Veldman et al., 2020). Selain itu, dapatan kajian menunjukkan indeks pengajaran guru sekolah rendah PSA bagi elemen pembelajaran koperatif masih di tahap sederhana dengan indikator terendah untuk elemen penggunaan struktur yang jelas (Salleh, 2020). Tambahan, menurut Laporan PPPM 2018, masih terdapat guru yang selesa melaksanakan pembelajaran tradisional walaupun mereka telah mengikuti kursus dan dibimbing dengan kaedah pembelajaran berpusatkan murid (Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 2018). Oleh itu, keperluan mengenal pasti faktor utama yang mempengaruhi amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif khasnya dalam kalangan guru sekolah rendah PSA penting untuk memastikan pelaksanaannya dari peringkat awal persekolahan murid memandangkan guru sekolah rendah PSA telah menerima latihan berkaitan strategi pembelajaran koperatif.

Pengetahuan guru dalam aspek pedagogi dan kandungan mempengaruhi pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran (Aziz, Manaf, Ayub & Jafri, 2020; Harits, Sujadi & Slamet, 2019; Hidayat & Setyawan, 2020). Namun, kajian oleh Fadzilah (2017) mendapati pengajaran strategi pembelajaran koperatif guru masih di tahap sederhana

walaupun guru menguasai pengetahuan kandungan dan pengetahuan pedagogi. Tambahan, guru juga menghadapi cabaran pengurusan bilik darjah (Mukuka et al., 2019; Zulkifli & Adnan, 2019, 2021) dan sukar untuk menerapkan kurikulum dalam amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif (Abramczyk & Jurkowski, 2020; Seherrie & Mawela, 2021; Zulkifli & Adnan, 2019). Selain itu, pengetahuan teknologi dan keupayaan mengintegrasikan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan penguasaan murid terhadap kemahiran yang diajar guru (Bakar & Ismail, 2020; Dilber-Özer & Baysal, 2021; Mostafa, 2021; Munir, Baroutian, Young & Carter, 2018; Yildirim & Sensoy, 2018). Walau bagaimanapun, terdapat guru yang berpengalaman mengajar tetapi kurang arif menggunakan teknologi (Adhikari, 2021; Aşık et al., 2020; Ravendran & Daud, 2019) serta kurang berminat dan beranggapan penggunaan teknologi membebankan (Regan et al., 2019; Subramaniam & Hamzah, 2020). Justeru, menjadi keperluan untuk mengkaji pengaruh aspek pengetahuan guru merangkumi pengetahuan kandungan, pedagogi dan teknologi terhadap amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif supaya dapat memberi impak positif kepada murid.

Penguasaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) juga penting selain pengetahuan guru. KBAT seharusnya tidak diajar secara berasingan, malah kemahiran tersebut perlu diterapkan dalam amalan pengajaran. Laporan PPPM (2020) menekankan pembudayaan KBAT dalam PAK-21 sebagai salah satu inisiatif KPM untuk meningkatkan kemahiran berfikir dalam kalangan murid (KPM, 2020). Strategi pembelajaran koperatif merupakan salah satu strategi PAK-21 yang terbukti mampu meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan murid (Aziz & Andin, 2018; Costner, 2021; Gillies, 2016; Halim & Syahrin, 2020; Takko et al., 2020).

Realitinya guru PSA menghadapi kesukaran mempelbagaikan aktiviti yang dapat menguji pemikiran murid (Salleh & Matore, 2021). Tambahan, guru juga kurang kesediaan dan pemahaman yang mantap untuk melaksanakan KBAT dalam aktiviti berkumpulan (Andin & M.Z, 2023; Bael et al., 2021). Oleh itu, keperluan guru menguasai kemahiran berfikir dan menerapkan KBAT penting supaya dapat mempengaruhi amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif dan mampu membangunkan KBAT dalam kalangan murid.

Faktor kekangan masa untuk merancang pengajaran dan persediaan bahan pembelajaran merupakan cabaran guru dalam melaksanakan strategi pembelajaran koperatif (Abramczyk & Jurkowski, 2020; Keramati & Gillies, 2021; Thomeeran et al., 2023; Zulkifli & Adnan, 2021). Selain itu, kefahaman guru yang terhad terhadap strategi pembelajaran koperatif menyebabkan pelaksanaan strategi tersebut menjadi sukar dan akhirnya guru lebih berminat menggunakan strategi pembelajaran tradisional (Buchs, Filippou, Pulfrey & Volpe, 2017; Karmina, Dyson, Watson & Philpot, 2021; Mahbib et al., 2017; Said, Shariff & Abd Rahman, 2017; Tamimy et al., 2023). Tambahan, dapatan analisis keperluan yang dijalankan kepada guru sekolah rendah PSA mendapati 100% guru memerlukan sokongan rakan dalam pelaksanaan strategi pembelajaran koperatif. Justeru, aspek sokongan sekolah merangkumi sokongan kompeten, sokongan rakan dan sokongan autonomi dalam melaksanakan pengajaran strategi pembelajaran koperatif turut diberi perhatian dalam kajian ini.

Efikasi sendiri guru penting untuk kejayaan pelaksanaan inovasi pengajaran. Guru yang mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi berupaya melaksanakan pengajaran dengan baik (Dzul, Hussin & Sulaiman, 2021; Ha, 2020). Realitinya, guru sukar

mengawal tingkah laku murid (Veldman et al., 2020; Zulkifli & Adnan, 2021), murid enggan melibatkan diri (Mahamod & Somasundram, 2017; Tamimy et al., 2023), dan guru turut menghadapi masalah pengurusan bilik darjah (Ghaith, 2018; Mukuka et al., 2019; Zulkifli & Adnan, 2021) semasa melaksanakan strategi pembelajaran koperatif. Keunikan kajian ini adalah turut mengkaji peranan efikasi sendiri guru sebagai mediator memandangkan kajian terdahulu lebih memfokuskan pengaruh langsung efikasi sendiri guru terhadap amalan pengajaran guru (Dzul et al., 2021; Saborit et al., 2016; Tamimy et al., 2023). Maklumat peranan efikasi sendiri guru sebagai mediator penting supaya dapat memberi input keperluan guru mempunyai efikasi sendiri yang mantap dan menambah baik amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif.

Di Malaysia, kajian terhadap amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif dalam kalangan guru khususnya guru PSA masih kurang. Kajian yang dijalankan berkenaan pembelajaran koperatif di negara ini lebih tertumpu pada sikap murid (Nizam & Taat, 2020), kajian berkaitan impak murid terhadap pembelajaran koperatif dalam mata pelajaran tertentu seperti mata pelajaran Bahasa Melayu (Diyazid, 2019; Low & Mydin Kutty, 2022; Mahamod & Somasundram, 2017), Jawi (Osman, Md Jaafar, Saidin & Abdan, 2017), Sains (Rahim et al., 2021), Sains Rumah Tangga (Takko et al., 2020) dan kajian deskriptif melibatkan guru dalam pengajaran subjek tertentu seperti Bahasa Melayu (Said et al., 2017) dan Bahasa Arab (Mat Zain & Muhammad, 2021). Situasi ini mendorong penyelidik menjalankan kajian untuk menentukan faktor yang mempengaruhi amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif secara komprehensif yang melibatkan aspek pengetahuan guru, penerapan KBAT, sokongan sekolah, efikasi sendiri dan peranan efikasi sendiri sebagai

mediator terhadap amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif ini terutama di sekolah PSA yang mengamalkan pengajaran strategi pembelajaran koperatif.

1.4 Objektif Kajian

Secara khususnya, objektif kajian:

1. Mengenal pasti hubungan antara pengetahuan guru, penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), sokongan sekolah dan efikasi sendiri dengan amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif.
2. Menentukan pengaruh secara langsung pengetahuan guru, penerapan KBAT, sokongan sekolah dan efikasi sendiri guru terhadap amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif.
3. Menentukan pengaruh pengetahuan guru, penerapan KBAT dan sokongan sekolah terhadap efikasi sendiri guru.
4. Menguji peranan efikasi sendiri guru sebagai mediator terhadap pengaruh antara pengetahuan guru, penerapan KBAT, sokongan sekolah dengan amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian, terdapat empat persoalan kajian seperti berikut:

1. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan guru, penerapan KBAT, sokongan sekolah dan efikasi sendiri guru dengan amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif?
2. Adakah pengetahuan guru, penerapan KBAT, sokongan sekolah dan efikasi sendiri guru mempunyai pengaruh secara langsung yang signifikan terhadap amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif?

3. Adakah pengetahuan guru, penerapan KBAT dan sokongan sekolah mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap efikasi sendiri guru?
4. Adakah efikasi sendiri guru berperanan sebagai mediator terhadap pengaruh antara pengetahuan guru, penerapan KBAT dan sokongan sekolah dengan amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif?

1.6 Hipotesis Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada 11 hipotesis yang dibina berdasarkan objektif kajian.

- H₁ : Terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan guru, penerapan KBAT, sokongan sekolah dan efikasi sendiri dengan amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif.
- H₂ : Pengetahuan guru mempunyai pengaruh secara langsung yang signifikan terhadap amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif.
- H₃ : Penerapan KBAT mempunyai pengaruh secara langsung yang signifikan terhadap amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif.
- H₄ : Sokongan sekolah mempunyai pengaruh secara langsung yang signifikan terhadap amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif.
- H₅ : Efikasi sendiri guru mempunyai pengaruh secara langsung yang signifikan terhadap amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif.
- H₆ : Pengetahuan guru mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap efikasi sendiri guru.
- H₇ : Penerapan KBAT mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap efikasi sendiri guru.
- H₈ : Sokongan sekolah mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap efikasi sendiri guru.

H₉ : Efikasi sendiri guru merupakan mediator antara pengaruh pengetahuan guru dengan amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif.

H₁₀ : Efikasi sendiri guru merupakan mediator antara pengaruh penerapan KBAT dengan amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif.

H₁₁ : Efikasi sendiri guru merupakan mediator antara pengaruh sokongan sekolah dengan amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif.

1.7 Kepentingan Kajian

Maklumat kajian dapat memberi input kepada pihak KPM tentang perkembangan mengimplementasikan strategi pembelajaran koperatif sebagai inovasi pendidikan yang dilaksanakan di sekolah rendah PSA. Hal yang demikian dapat memberi maklumat tentang kejayaan kerjasama sektor awam iaitu KPM dan sektor swasta iaitu Pihak Yayasan AMIR selaku pembekal dana serta Pihak Leaped Services selaku pembekal perkhidmatan pendidikan. Tambahan, dapatan kajian juga dapat mencadangkan metodologi terbaik supaya strategi pengajaran berkesan iaitu amalan pengajaran strategi pembelajaran koperatif ini dapat dilaksanakan bukan sahaja di sekolah PSA, malahan di sekolah-sekolah lain seperti sekolah Program Transformasi Sekolah 2025 dan seluruh sekolah di Malaysia.

Kepentingan kajian kepada Bahagian Pembangunan kurikulum (BPK) dapat memberi maklumat tentang pelaksanaan strategi pembelajaran koperatif yang merupakan salah satu daripada strategi pedagogi yang dicadangkan dalam kurikulum sekolah rendah. Selain itu, dapatan kajian juga dapat membantu pihak BPK meneroka keperluan guru supaya pelaksanaan strategi pembelajaran koperatif dapat diamalkan di sekolah. Kandungan kurikulum yang disusun serta pemilihan strategi pengajaran dan

pembelajaran yang sesuai dapat menyokong lanskap pembelajaran abad ke-21 yang memberi fokus pembelajaran berpusatkan murid.

Selain Bahagian Pembangunan Kurikulum, dapatan kajian juga dapat memberi manfaat kepada Pihak Yayasan AMIR dan LeapEd Services selaku rakan strategik dan pembekal perkhidmatan pendidikan di sekolah PSA untuk menilai perjalanan PSA. Tambahan, dapatan kajian juga memberi cerminan kepada pihak pembekal perkhidmatan pendidikan terutamanya berkenaan strategi pembelajaran koperatif yang telah diperkenalkan dan disebar luas di sekolah PSA seluruh Malaysia. Perancangan program dan aktiviti berterusan berdasarkan hasil kajian dapat meningkatkan pelaksanaan dan penguasaan guru dalam melaksanakan strategi pembelajaran koperatif.

